

PENGARUH FAKTOR SOSIAL DAN AGAMA TERHADAP PENINGKATAN KADAR PERCERAIAN: PERANAN INSTITUSI SOSIAL DALAM MENYOKONG PERKAHWINAN

Abdul Karim Ibrhim

abdulkarim@unimel.edu.my
Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa

Mohd Sabree Nasri

mohdsabree@unimel.edu.my
Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa

Khairol Ikhwan @ Mohd Fithri Khoza

khairolikhwan@ums.edu.my
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah

Article History:

Received: 18 December 2024

Accepted: 23 December 2024

Published: 31 December 2024

ABSTRAK

Isu perceraian yang semakin membimbangkan rakyat Malaysia setiap tahun semakin meningkat. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi peningkatan statistik kes perceraian di Malaysia. Kesan peningkatan perceraian ini boleh menyumbang kepada permasalahan sosial yang lain. Dapatkan kajian ini dapat membantu mengurangkan kes perceraian yang berlaku di Malaysia. Kajian ini meneliti pengaruh faktor sosial dan agama terhadap peningkatan kadar perceraian dalam kalangan masyarakat Islam serta menilai peranan institusi sosial dalam menyokong kestabilan perkahwinan. Kajian menggunakan kaedah analisis literatur untuk memahami faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kadar perceraian dan bagaimana institusi seperti badan keagamaan, pusat kaunseling, dan organisasi masyarakat dapat memainkan peranan dalam menurunkan kadar perceraian. Kajian mendapati bahawa kekurangan pengetahuan agama, perubahan nilai sosial, dan kurangnya sokongan institusi menyumbang kepada krisis perkahwinan. Implikasi daripada kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada dasar sosial dan strategi penyelidikan yang lebih komprehensif dalam menangani isu perceraian dalam kalangan orang Islam.

Kata Kunci: Sosial, Agama, Kadar Perceraian, Institusi Sosial

Influence of Social and Religious Factors on the Increase in Divorce Rates: The Role of Social Institutions in Supporting Marriages

ABSTRACT

The issue of divorce, which is increasingly worrying Malaysians, is increasing every year. There are several factors that influence the increase in divorce statistics in Malaysia. The effects of this increase in divorce can contribute to other social problems. The findings of this study can help reduce divorce cases in Malaysia. This study examines the influence of social and religious factors on the increase in divorce rates among the Muslim community and assesses the role of social institutions in supporting marital stability. The study uses literature analysis methods to understand the main factors that contribute to the increase in divorce rates and how institutions such as religious bodies, counseling centers, and community organizations can play a role in reducing divorce rates. The study found that lack of religious knowledge, changing social values, and lack of institutional support contribute to the marriage crisis. The implications of this study are expected to contribute to more comprehensive social policies and research strategies in addressing divorce issues among Muslims.

Keywords: Social, Religion, Divorce Rates, Social Institutions

PENGENALAN

Isu perceraian di Malaysia semakin membimbangkan sama ada pasangan yang beragama Islam atau bukan beragama Islam. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mendedahkan kadar perceraian di negara ini menunjukkan peningkatan ketara iaitu daripada 43,936 kes pada tahun 2021 kepada 62,890 kes pada tahun 2022 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022). Ia merupakan peningkatan sehingga 43.1 peratus dan kadar tertinggi yang direkodkan sejak tahun 2016.

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada peningkatan kes perceraian di Malaysia. Di antaranya pengabaian nafkah, tiada persefahaman dalam perhubungan, masalah akhlak dan sosial, campur tangan orang ketiga, kelemahan agama, masalah ekonomi, masalah kerjaya dan sebagainya. Untuk mengatasi isu ini adalah dengan meningkatkan pemahaman tentang tanggungjawab dalam perkahwinan, memperkuatkan hubungan komunikasi dan pendidikan agama lebih mendalam (Mariam et al., 2017). Pengaruh faktor sosial dan agama yang mendominan dalam peningkatan kes penceraian seperti tekanan ekonomi, perbezaan sosial, dan konflik peranan gender yang berbeza antara lelaki dan wanita, serta penghayatan agama yang menurun, dikaitkan dengan peningkatan kadar perceraian (Muhammad Husni & Iffah Fathiah, 2023). Peranan institusi sosial seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Institut Sosial Malaysia (ISM), Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK), dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) turut memainkan peranan penting dalam menyokong perkahwinan yang lebih kukuh.

Kadar perceraian dalam kalangan masyarakat Islam menunjukkan peningkatan yang ketara. Penyelidikan menunjukkan bahawa faktor sosial seperti tekanan kewangan, peranan jantina, dan pengaruh media sosial memainkan peranan yang besar dalam ketidakstabilan perkahwinan. Walaupun agama Islam menekankan kepentingan perkahwinan yang harmoni dan hubungan kekeluargaan yang sejahtera namun ramai pasangan yang gagal dalam menerapkan nilai-nilai ini dalam kehidupan sehari-hari mereka. Oleh itu, objektif kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh faktor sosial dan agama terhadap kadar perceraian serta menilai bagaimana institusi sosial boleh membantu menyokong perkahwinan dan mengurangkan kes perceraian.

Peningkatan kadar perceraian mencerminkan cabaran besar dalam institusi perkahwinan adalah sangat memerlukan pendekatan menyeluruh untuk ditangani. Dengan pendidikan agama yang lebih baik, kaunseling yang relevan, dan jaringan sokongan sosial yang kukuh, pasangan berpeluang membina hubungan yang lebih stabil dan bahagia. Kerjasama antara institusi sosial, agama, dan komuniti sangat penting untuk memastikan perkahwinan terus menjadi asas yang kukuh bagi kesejahteraan masyarakat.

KAJIAN LITERATUR

Kajian literatur ini mengkaji secara mendalam konsep perkahwinan dan perceraian dalam Islam serta peranan faktor sosial dalam membentuk hubungan suami isteri. Islam menekankan perkahwinan sebagai institusi yang bukan hanya untuk memenuhi keperluan emosional dan fizikal pasangan, tetapi juga untuk membina keluarga yang bahagia dan harmoni. Faktor ini dapat menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Perkahwinan dianggap sebagai tanggungjawab besar di mana setiap pasangan perlu memainkan peranan masing-masing dengan nilai-nilai seperti kejujuran, kesetiaan, kesabaran, dan komitmen. Namun, di sebalik nilai-nilai ini, cabaran masyarakat moden seperti tekanan kewangan, konflik peranan gender dan pengaruh media sosial telah menjaskan kestabilan perkahwinan.

Pengaruh Faktor Sosial

Kajian-kajian lepas telah mendapati bahawa tekanan kewangan adalah salah satu faktor utama yang membawa kepada konflik dan perceraian. Masalah kewangan boleh mencetuskan tekanan dan ketegangan dalam rumah tangga apabila pasangan gagal mengurus kewangan secara bijak. Cabaran masyarakat moden yang semakin materialistik dan keupayaan untuk memiliki kemewahan seringkali dianggap sebagai lambang kejayaan, yang membawa kepada rasa tidak puas hati apabila harapan ini tidak dapat dicapai. Ini turut ditambah dengan keinginan untuk memiliki gaya hidup yang lebih mewah yang sering digalakkan melalui media sosial, sehingga mendorong pasangan kepada pembaziran dan ketidaksefahaman tentang pengurusan kewangan (Abdul Rahman & Hassan, 2015).

Selain itu, kajian turut menunjukkan bahawa peranan gender yang berubah dalam masyarakat moden menyumbang kepada konflik dalam perkahwinan. Kajian tersebut menjelaskan bahawa wanita masa kini lebih cenderung untuk bekerja dan memainkan peranan dalam menyara keluarga. Namun, persepsi tradisional mengenai tanggungjawab wanita dalam rumah tangga masih kuat, yang menyebabkan ketegangan apabila wanita menguruskan tanggungjawab kerja dan rumah sekaligus. Konflik ini mungkin timbul apabila suami tidak menerima atau menyokong peranan wanita yang semakin aktif di luar rumah. Apabila tiada pesefahaman dalam rumah tangga boleh menyebabkan berlaku perceraian (Shafie & Mohd Zin, 2020).

Media sosial juga dikenalpasti sebagai salah satu faktor yang membentuk persepsi dan mentaliti yang tidak realistik dalam perkahwinan. Kajian mendapati bahawa media sosial sering menyebabkan pasangan membandingkan kehidupan mereka dengan pasangan lain, yang membawa kepada rasa tidak puas hati (Ghazali & Abd Rahman, 2018). Kebanyakan kes, pasangan merasa tertekan apabila mereka mendapati kehidupan perkahwinan mereka tidak sehebat orang lain. Mentaliti yang tidak realistik ini sering menjadi punca ketegangan dan konflik dalam perkahwinan. Menurut Nurfarizan Jaafar, Penolong Pengarah Kanan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), terdapat individu yang belum berkahwin melihat rakan, artis kegemaran atau saudara mara membuat hantaran gambar perkahwinan mereka di media sosial, sehingga membuatkan dirinya rasa tercabar. Individu itu berusaha mencari

Pengaruh Faktor Sosial dan Agama Terhadap Peningkatan Kadar Perceraian: Peranan Institusi Sosial dalam Menyokong Perkahwinan

Abdul Karim Ibrhim, Mohd Sabree Nasri & Khairul Ikhwan @ Mohd Fithri Khoza

pasangan dan berkahwin segera, semata-mata untuk menunjukkan dirinya juga mampu berkahwin dan akhirnya bercerai dalam tempoh yang singkat. Ini jelas menunjukkan penggunaan media sosial boleh mempengaruhi hidup seseorang, termasuk punca berlaku perceraian (Nurfarizan, 2022).

Pengaruh Faktor Kekurangan Agama

Kajian menunjukkan bahawa kekurangan pendidikan agama dan penghayatan nilai-nilai Islam dalam perkahwinan merupakan faktor yang signifikan dalam kadar perceraian. Kajian tersebut menyatakan bahawa kekurangan pendidikan agama menyebabkan pasangan gagal memahami tanggungjawab dan hak masing-masing dalam rumah tangga (Shafie & Mohd Zin, 2020). Penghayatan terhadap nilai-nilai Islam seperti sabar, saling memahami, dan menjaga hubungan kekeluargaan sangat penting dalam menangani cabaran dalam perkahwinan.

Terdapat kajian yang menyatakan faktor seperti personaliti, seksualiti, dan kekurangan komunikasi sebagai punca perceraian dalam masyarakat yang mempengaruhi dinamika dari masa ke masa (Noor Syaibah et al., 2016). Keperibadian dan akhlak yang baik adalah merupakan kunci dalam menjaga hubungan suami isteri. Perkara ini perlu diterapkan dalam kehidupan sebelum mendirikan rumah tangga agar perkahwinan yang dibina kelak menjadi rahmah dan mawaddah.

Selain itu dalam satu kajian eksplorasi tentang faktor-faktor yang menyumbang kepada perceraian pasangan dewasa di Hulu Langat, mendapati faktor terpenting yang perlu dititikberatkan kepada pasangan beragama Islam mahupun bukan beragama Islam adalah faktor agama dan sosial (Norhasima & Syazwana, 2016). Ketirisan ilmu agama dalam kalangan pasangan menyebabkan pasangan tidak mengetahui tanggungjawab sebenar mereka sebagai suami isteri. Terdapat kajian terhadap faktor penceraian di kalangan masyarakat Islam di Malaysia mendapati trend penceraian yang semakin meningkat ini adalah berpunca daripada kekurangan amalan agama dan sosioekonomi masyarakat Islam masa kini (Haszuraidah & Kamarul, 2022). Pasangan yang mahu mendirikan rumah tangga sudah semestinya perlu menitik berat soal amalan agama dalam keluarga. Kebahagian rumah tangga dapat dikecapi apabila ilmu dan amalan agama diamalkan dalam keluarga.

Peranan Institusi Sosial dalam Menyokong Perkahwinan

Institusi sosial memainkan peranan yang signifikan dalam menyokong dan membentuk perkahwinan, terutamanya dalam konteks budaya dan sosial masyarakat. Menurut Sidek, peranan institusi agama dan sosial dalam menyediakan program pendidikan dan bimbingan yang berkesan dapat membantu pasangan mendalami peranan agama dalam perkahwinan mereka (Sidek, 2016). Institusi sosial berfungsi adalah untuk menegakkan nilai-nilai tradisional yang mempromosikan perkahwinan sebagai institusi yang stabil dan berfungsi. Pelbagai usaha kerajaan Malaysia dalam menjalankan strategi pelaksanaan Dasar Kerajaan Negara (DKN) dengan merancang dan menyediakan program dalam menyokong perkahwinan. Peranan institusi sosial seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Institut Sosial Malaysia (ISM), Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK), dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) turut memainkan peranan penting dalam menyokong perkahwinan yang lebih kukuh.

Kepentingan kualiti perkahwinan dan impaknya diperlukan untuk dikaji faktor-faktor yang boleh membawa kepada penurunan kualiti perkahwinan masa kini. Menurut satu kajian terdapat inisiatif kerajaan dan usaha demi memperkuatkan institusi kekeluarga, masyarakat dan generasi akan datang

(Zainab et al., 2014). Institusi sosial, seperti keluarga, pendidikan, dan agama membantu membentuk norma dan nilai berkaitan perkahwinan. Kebanyakan budaya, perkahwinan dianggap sebagai langkah penting dalam kehidupan yang tidak hanya mengikat hubungan suami dan isteri bahkan membentuk satu institusi kekeluargaan yang besar. Oleh itu, peranan institusi sangat penting dalam menjaga dan menyokong perkahwinan yang dibina.

Terdapat kajian berkaitan peranan institusi yang terlibat dalam merancang program kekeluargaan banyak membantu dalam membimbing pasangan membentuk satu sistem kekeluargaan yang baik bagi menjamin masa depan komuniti dan masyarakat. Sebagaimana yang dilakukan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia (KPWKM) dalam merangka polisi, praktikal dan program untuk masyarakat setempat dalam meninjau fenomena sebenar perkahwinan dan perceraian yang berlaku. Menurut kajian tersebut, punca-punca kemerosotan yang berkaitan dengan kualiti perkahwinan perlulah diberi perhatian dalam mencegah berlaku perceraian. Ia bertujuan untuk memastikan keberkesanan peranan institusi dalam menyampaikan maklumat berkaitan permasalahan rumah tangga seperti khidmat kaunseling, kursus pra-perkahwinan, program institusi kekeluargaan dan polisi (Suffizzan, 2016).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kualitatif melalui semakan literatur dari pelbagai sumber seperti jurnal akademik, buku, dan laporan daripada organisasi yang berkaitan dengan isu perceraian dan perkahwinan dalam masyarakat Islam. Data dikumpulkan dengan menganalisis kajian-kajian terdahulu yang memfokuskan kepada faktor sosial dan agama yang mempengaruhi kadar perceraian. Analisis ini bertujuan untuk mengenal pasti jurang pengetahuan dan cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh institusi sosial.

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian menunjukkan beberapa faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kadar perceraian dalam kalangan masyarakat Islam, antaranya ialah:

Perubahan Nilai Sosial

Perubahan dalam nilai sosial yang menekankan sikap individualisme, materialisme, dan kebebasan peribadi mengurangkan komitmen pasangan terhadap perkahwinan. Faktor ini telah melemahkan peranan tradisional suami dan isteri, sekali gus mencetuskan konflik. Nilai sebenar perkahwinan tidak tercapai dengan sikap individualisme, materialisme, dan kebebasan peribadi masing-masing dalam mengharungi bahtera perkahwinan. Dalam banyak kes juga, peranan gender yang berubah seperti wanita yang lebih berdikari dari segi kewangan dalam keluarga menyebabkan ketidakseimbangan kuasa dalam hubungan, yang sukar diterima oleh pasangan yang masih berpegang kepada nilai tradisional.

Faktor perubahan nilai sosial ini disebabkan peningkatan kehidupan moden, seperti kos sara hidup yang tinggi, kekurangan sokongan keluarga, dan gaya hidup individualistik, yang mengakibatkan ketegangan dalam perkahwinan. Selain itu, di era permodenan masyarakat tiada lagi sokongan daripada keluarga besar. Keadaan ini melemahkan sistem sokongan bagi pasangan yang menghadapi cabaran dalam perkahwinan mereka. Hubungan yang erat dengan datuk, nenek, saudara mara dan keluarga telah berkurangan sehingga tiada sokongan daripada ahli keluarga. Pengaruh media sosial sering menjadi

Pengaruh Faktor Sosial dan Agama Terhadap Peningkatan Kadar Perceraian: Peranan Institusi Sosial dalam Menyokong Perkahwinan


Abdul Karim Ibrhim, Mohd Sabree Nasri & Khairul Ikhwan @ Mohd Fithri Khoza

pencetus konflik kekeluargaan yang mengubah nilai sosial kekeluargaan seperti perhubungan dengan orang ketiga, penggunaan media sosial yang terlalu bebas untuk diakses yang mengakibatkan hilang kepercayaan antara pasangan dan akhirnya berlaku *syiqaq*.

Menurut Mariam Md Zin, Penolong Pengarah Penyelidikan Jabatan Agama Islam Selangor (2024) terdapat satu kajian yang diterbitkan dalam *Computers in Human Behavior* bahawa hubungan antara penggunaan media sosial dan penurunan kualiti perkahwinan dalam setiap model yang dianalisis meramalkan bahawa orang yang tidak menggunakan media sosial adalah 11 peratus lebih bahagia dalam perkahwinan berbanding mereka yang kerap menggunakan media sosial. Penggunaan media sosial yang melampau boleh mengakibatkan kesan terhadap masyarakat sehingga menjelaskan hubungan suami isteri dalam rumah tangga. Oleh kerana kandungan pempengaruh (*influencer*) masa kini telah mempengaruhi cara fikir dan cara hidup masyarakat. Kebanyakan pasangan pada hari ini obses terhadap kandungan pempengaruh (*influencer*) yang sentiasa berusaha untuk meyakinkan pengikut mereka bagi mengikuti apa yang mereka katakan di media sosial. Pempengaruh (*influencer*) sentiasa mempromosikan gaya hidup urban, termasuk produk-produk, destinasi hiburan, atau aktiviti tertentu. Pasangan yang terpengaruh mungkin merasa tertekan untuk membandingkan atau meniru gaya hidup yang dianggap ideal.

Oleh itu, hal ini terbukti dengan statistik menunjukkan kadar perceraian lebih tinggi di kawasan urban dan dalam kalangan pasangan muda yang menghadapi konflik nilai antara gaya hidup moden dan tradisional. Dengan perubahan nilai sosial, semakin banyak individu yang memilih untuk bercerai apabila hak mereka dirasakan tidak dihormati, seperti isu kesetiaan, penghormatan, dan kebebasan.

Rajah: Perbandingan Kes Perceraian Mengikut Negeri dan Daerah Yang Tertinggi Tahun 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta pai menunjukkan perbandingan kes perceraian mengikut negeri dan daerah tertinggi bagi tahun 2021. Carta pertama menunjukkan data mengikut negeri, manakala carta kedua menunjukkan data mengikut daerah tertinggi dalam negeri masing-masing. Carta menunjukkan negeri Selangor yang merupakan kawasan urban merupakan kes perceraian yang tertinggi di Malaysia berbanding negeri-negeri yang lain.

Berikut adalah jadual yang merumuskan perubahan nilai sosial yang menyumbang kepada peningkatan kadar perceraian

Jadual 1: Jadual Perubahan Nilai Sosial dan Kesan Terhadap Faktor Sosial

Perubahan Nilai Sosial	Penjelasan	Kesan terhadap Perkahwinan
Individualisme	Menekankan kepentingan diri sendiri dan kebebasan peribadi, mengurangkan komitmen terhadap pasangan.	Kurangnya kerjasama dan toleransi dalam hubungan, menyebabkan konflik dan ketegangan yang sukar diselesaikan.
Materialisme	Fokus kepada kebendaan dan gaya hidup mewah, dipengaruhi oleh kandungan media sosial dan pempengaruh (<i>influencer</i>).	Tekanan kewangan meningkat apabila pasangan berusaha meniru gaya hidup <i>ideal</i> , menyebabkan rasa tidak puas hati dalam hubungan.
Kebebasan Peribadi	Pasangan lebih mengutamakan hak individu berbanding tanggungjawab bersama dalam perkahwinan.	Hubungan menjadi tidak seimbang, dengan satu pihak merasa diabaikan, lalu konflik semakin meningkat.
Perubahan Peranan Gender	Wanita lebih berdikari dari segi kewangan, mencabar peranan tradisional suami sebagai pencari nafkah utama.	Ketidakseimbangan kuasa dalam hubungan, dengan pasangan yang berpegang kepada nilai tradisional sukar menerima perubahan ini.
Tekanan Kehidupan Moden	Kos sara hidup tinggi, tekanan kerja, dan gaya hidup sibuk menyebabkan kurangnya masa berkualiti antara pasangan.	Mengurangkan komunikasi dan rasa hubungan emosi, meningkatkan jurang antara pasangan.
Kelemahan Sokongan Keluarga	Sokongan daripada keluarga besar semakin berkurangan akibat urbanisasi dan gaya hidup individualistik.	Pasangan menghadapi cabaran perkahwinan tanpa bimbingan atau bantuan keluarga, menjadikan konflik lebih sukar diatasi.
Pengaruh Media Sosial	Media sosial mempromosikan hubungan luar nikah, gaya hidup <i>ideal</i> , dan memudahkan perbandingan antara pasangan.	Menimbulkan rasa cemburu, hilang kepercayaan, dan konflik, serta mempercepatkan keretakan hubungan rumah tangga.
Obsesi terhadap Kandungan Influencer	Kandungan pempengaruh (<i>influencer</i>) mempromosikan gaya hidup mewah, aktiviti hiburan, dan destinasi eksklusif yang memberi tekanan kepada pasangan.	Pasangan merasa tidak puas hati dengan kehidupan mereka sendiri, mencetuskan rasa tekanan dan konflik dalam perkahwinan.
Jurang Nilai Moden dan Tradisional	Konflik antara nilai moden (kebebasan, individualisme) dan nilai tradisional (kesetiaan, tanggungjawab bersama).	Pasangan muda lebih cenderung memilih perceraian apabila merasa hak mereka tidak dihormati, seperti kesetiaan atau kebebasan.

Sumber:Pengkaji

Jadual ini menunjukkan perubahan nilai sosial memberi kesan langsung kepada hubungan dan konflik pasangan sekaligus menyumbang kepada peningkatan kadar perceraian. Ini jelas menunjukkan

Pengaruh Faktor Sosial dan Agama Terhadap Peningkatan Kadar Perceraian: Peranan Institusi Sosial dalam Menyokong Perkahwinan

Abdul Karim Ibrhim, Mohd Sabree Nasri & Khairul Ikhwan @ Mohd Fithri Khoza

perubahan nilai sosial memainkan peranan yang penting dalam menjamin kebahagian dan keharmonian rumah tangga.

Kekurangan Pengetahuan Agama

Pasangan berkahwin yang kurang menghayati nilai-nilai Islam dalam perkahwinan cenderung untuk menghadapi konflik yang membawa kepada perceraian. Faktor ini sering dikaitkan dengan kelemahan dalam melaksanakan tanggungjawab agama seperti pemberian nafkah, pengurusan konflik rumah tangga, dan penghormatan terhadap pasangan. Selain itu mereka juga lalai dalam melaksanakan perintah-perintah agama seperti solat, zakat dan sebagainya.

Kesan akibat daripada kekurangan pengetahuan agama menyebabkan kegagalan memenuhi tanggungjawab samada tanggungjawab terhadap manusia atau tanggungjawab terhadap Allah SWT sehingga menimbulkan konflik yang berlarutan dan akhirnya membawa kepada perceraian. Selain itu, pengabaian nilai Agama dalam komunikasi yang buruk seperti kekurangan sikap saling menghormati dan bercakap kasar terhadap pasangan juga antara punca perceraian. lebih-lebih lagi apabila menghadapi konflik, tiada perbincangan yang harmoni dalam penyelesaian konflik sehingga berlaku perceraian. Kekurangan pengetahuan agama juga menjadikan pasangan lebih mudah terpengaruh dengan faktor negatif seperti penyalahgunaan dadah, orang ketiga, pergaulan bebas atau isu poligami yang tidak diuruskan dengan betul boleh mengakibatkan kepada perceraian berlaku.

Terdapat statistik menunjukkan peningkatan kes perceraian di kalangan pasangan Muslim dewasa. Majoriti kes ini melibatkan pasangan yang telah berkahwin lebih dari 10 tahun tetapi gagal menguruskan hubungan mereka kerana kurangnya pegangan agama yang kukuh. Di Selangor, kes perceraian terus meningkat setiap tahun, dengan penekanan terhadap kekurangan nilai agama sebagai salah satu punca utama (Norhasima & Syazwana, 2016). Berikut adalah jadual yang merumuskan kesan kekurangan pengetahuan agama yang menyumbang kepada peningkatan kadar perceraian

Jadual 2: Jadual Rumusan Kesan Kekurangan Pengetahuan Agama Terhadap Peningkatan Kadar Perceraian.

Aspek Kekurangan Pengetahuan Agama	Penjelasan	Kesan terhadap Perkahwinan
Kekurangan Penghayatan Nilai Islam	Pasangan gagal menghayati nilai Islam dalam perkahwinan, seperti kasih sayang, hormat, dan tanggungjawab.	Konflik rumah tangga berlarutan kerana tiada landasan nilai agama untuk menyelesaikan masalah.
Pengabaian Tanggungjawab Agama	Lalai dalam melaksanakan perintah agama seperti solat, zakat, dan pemberian nafkah.	Hubungan menjadi tidak harmoni kerana tanggungjawab asas tidak dipenuhi, menyebabkan ketegangan dan rasa tidak puas hati.
Pengurusan Konflik yang Lemah	Tiada komunikasi berlandaskan nilai agama dalam menyelesaikan konflik, seperti sikap kasar atau tidak menghormati pasangan.	Konflik kecil menjadi besar dan berakhir dengan perceraian kerana tiada pendekatan harmoni dalam penyelesaian masalah.

Aspek Kekurangan Pengetahuan Agama	Penjelasan	Kesan terhadap Perkahwinan
Terpengaruh dengan Faktor Negatif	Kekurangan pegangan agama menyebabkan pasangan mudah terpengaruh dengan penyalahgunaan dadah, orang ketiga, pergaulan bebas, atau isu poligami yang tidak diuruskan.	Peningkatan risiko hubungan luar nikah, keganasan rumah tangga, atau perpecahan akibat isu poligami yang tidak adil.
Kekurangan Pegangan Agama yang Kukuh	Pasangan dewasa, walaupun sudah lama berkahwin, gagal mengukuhkan hubungan berdasarkan ajaran Islam.	Hubungan menjadi renggang terutama dalam menghadapi cabaran hidup, sehingga menyebabkan perceraian walaupun perkahwinan sudah lama.
Tiada Sokongan Nilai Agama dalam Komunikasi	Pasangan tidak mengaplikasikan ajaran agama seperti toleransi, sabar, dan maaf dalam komunikasi harian.	Hubungan menjadi tegang dan penuh dengan salah faham, mempercepatkan keruntuhan rumah tangga.
Ketidakseimbangan Tanggungjawab terhadap Allah dan Pasangan	Gagal memenuhi tanggungjawab kepada Allah (ibadah) dan pasangan (nafkah dan emosi).	Menimbulkan rasa kecewa, kehilangan kepercayaan, dan akhirnya perceraian.

Sumber: Pengkaji

Jadual ini menunjukkan kekurangan pengetahuan agama memberi kesan terhadap perkahwinan yang telah dibina. Ini menunjukkan bahawa aspek kekurangan agama sangat memainkan peranan dalam menjamin kebahagian dan keharmonian rumah tangga.

Kekurangan Sokongan dari Institusi Sosial dan Agama

Institusi sosial dan agama seperti badan-badan agama dan pusat kaunseling kurang berfungsi dalam menyediakan sokongan yang proaktif dan berkesan untuk pasangan yang menghadapi krisis rumah tangga. Institusi sosial seperti keluarga besar, masyarakat, dan organisasi agama tidak lagi memainkan peranan yang signifikan dalam membantu pasangan menyelesaikan konflik rumah tangga. Kekurangan penglibatan institusi ini mengakibatkan pasangan merasa terasing dan tidak mendapat sokongan. Selain itu juga, kekurangan program atau inisiatif yang berkesan daripada institusi sosial, termasuk kursus pra-perkahwinan dan kaunseling pasca-perkahwinan, menyebabkan pasangan tidak bersedia menghadapi cabaran perkahwinan.

Faktor kekurangan sokongan keagamaan dan sosial ialah urbanisasi dan kemodenan yang mengasingkan pasangan dari keluarga besar atau komuniti tradisional, yang biasanya menyediakan sokongan moral, emosi, dan praktikal. Kehidupan di kawasan bandar sering memberi tekanan tambahan tanpa jaringan sokongan yang mencukupi. Tidak dapat dinafikan terdapat agensi agama dan sosial yang menjalankan tanggungjawab mereka namun dalam menguruskan masalah keluarga, kebanyakan agensi ini menghadapi kekangan sumber dan kekurangan pendekatan yang lebih proaktif dalam menangani isu perceraian.

Kesannya mengakibatkan pasangan yang berkahwin tidak mendapat sokongan sosial yang baik dalam menyelesaikan konflik rumah tangga. Konflik yang berterusan sehingga membawa kepada perceraian. Kekurangan komuniti yang berfungsi sebagai tempat pergantungan emosi atau tempat memberi nasihat dan bimbingan menyebabkan pasangan yang mengalami masalah rumah tangga merasa terasing, dan bertambah tekanan kepada hubungan mereka. Dalam keadaan ini, kebanyakan gender wanita sering mengalami kesan lebih besar akibat kekurangan sokongan sosial, terutamanya dalam hal penjagaan anak dan kewangan pasca perceraian. Mereka berjiwa lembut dan lemah sekiranya tiada sokongan sosial yang mencukupi untuk membantu mereka.

Statistik menunjukkan kadar perceraian lebih tinggi di kawasan bandar, di mana sokongan dari keluarga besar dan komuniti kurang. Selain itu juga terdapat aduan dan rungutan daripada masyarakat dalam beberapa kes, terdapat laporan bahawa kaunseling agama atau bimbingan dari institusi agama kurang relevan atau tidak dapat memenuhi keperluan praktikal mereka (Norhasima & Syazwana, 2016). Berikut adalah jadual rumusan kesan kekurangan sokongan sosial dari institusi sosial dan agama yang menyumbang kepada peningkatan kadar perceraian.

Jadual 3: Jadual Rumusan Kekurangan Sokongan Sosial dari Institusi Sosial dan Agama Yang Menyumbang Kepada Peningkatan Kadar Perceraian

Faktor Kekurangan Sokongan	Penjelasan	Kesan terhadap Perkahwinan
Kekurangan Peranan Institusi Agama	Institusi agama tidak menyediakan sokongan proaktif seperti kaunseling perkahwinan yang relevan dan praktikal untuk pasangan yang menghadapi konflik.	Pasangan merasa terasing dan tidak mendapat panduan yang memadai untuk menguruskan konflik rumah tangga, meningkatkan risiko perceraian.
Kelemahan Institusi Sosial	Institusi sosial dan komuniti tidak memainkan peranan signifikan dalam memberikan sokongan moral dan emosi kepada pasangan.	Kehilangan jaringan sokongan tradisional menyebabkan pasangan kurang berupaya menghadapi tekanan perkahwinan dan konflik.
Kekurangan Program Kaunseling	Program seperti kursus pra-perkahwinan atau kaunseling pasca-perkahwinan kurang menyeluruh dan tidak berkesan untuk menyediakan pasangan menghadapi cabaran.	Pasangan kurang bersedia untuk menghadapi cabaran perkahwinan, yang menyebabkan mereka gagal menyelesaikan konflik dengan harmoni.
Urbanisasi dan Pemodenan	Kehidupan bandar mengasingkan pasangan daripada keluarga besar telah melemahkan sistem sokongan sosial.	Tekanan hidup di kawasan bandar tanpa sokongan sosial menambah beban pada hubungan rumah tangga dan meningkatkan risiko perceraian.
Kekangan Sumber Institusi Agama	Agensi agama menghadapi kekangan sumber dan kurang pendekatan yang inovatif untuk menangani isu perceraian.	Program bimbingan agama tidak mencukupi untuk membantu pasangan mengatasi masalah mereka secara berkesan.

Faktor Kekurangan Sokongan	Penjelasan	Kesan terhadap Perkahwinan
Kekurangan Pendekatan yang Sesuai bagi Kaunseling Agama	Kaunseling agama sering kali dianggap tidak sesuai dengan keperluan praktikal pasangan moden, seperti isu kewangan atau penjagaan anak.	Pasangan memilih untuk tidak mendapatkan bantuan kerana merasa kaunseling tidak membantu menyelesaikan masalah praktikal mereka.

Sumber: Pengkaji

Jadual ini merumuskan sebab dan kesan kekurangan sokongan sosial dari institusi agama dan sosial terhadap kadar perceraian.

PERBINCANGAN KAJIAN

Fenomena perceraian semakin menjadi isu kritikal dalam masyarakat Islam, khususnya di Malaysia. Kajian menunjukkan bahawa faktor sosial dan agama memainkan peranan utama dalam peningkatan kadar perceraian. Antaranya ialah pengaruh media sosial, perubahan nilai sosial, dan kelemahan institusi sosial serta agama dalam memberikan sokongan kepada pasangan yang menghadapi konflik perkahwinan. Artikel ini membincangkan secara mendalam faktor-faktor tersebut serta menyarankan langkah-langkah strategik untuk mengukuhkan institusi perkahwinan.

Media sosial dikenal pasti sebagai salah satu penyumbang utama kepada konflik perkahwinan, terutama dalam kalangan pasangan muda. Kehidupan yang dipaparkan di media sosial sering membentuk ekspektasi tidak realistik mengenai perkahwinan. Pasangan cenderung membandingkan kehidupan mereka dengan apa yang dilihat dalam talian, yang boleh menyebabkan ketidakpuasan dan konflik. Selain itu, media sosial turut memperkuuhkan nilai individualistik, di mana pasangan lebih cenderung untuk mementingkan kebebasan peribadi daripada tanggungjawab bersama. Situasi ini melemahkan komitmen terhadap perkahwinan, sekali gus meningkatkan risiko perceraian. Oleh itu, sebagai pasangan suami isteri perlu bijak dalam menilai kandungan di media sosial. Pasangan perlu menilai dalam melayari media sosial agar tidak terkeliru di antara perkara yang realiti dan tidak realiti. Lebih-lebih lagi keadaan dunia masa kini diperluasi dengan penggunaan AI (*Artificial Intelligence*).

Perubahan nilai sosial juga menjadi faktor penting dalam isu perceraian. Kehidupan moden yang menekankan materialisme dan individualisme menjadikan tekanan ekonomi serta peranan gender sebagai punca konflik. Wanita masa kini sering memainkan peranan sebagai penyumbang kewangan keluarga, tetapi tanggungjawab tradisional sebagai penjaga rumah tangga masih menjadi beban tambahan. Perubahan ini mencetuskan ketidakseimbangan kuasa dalam hubungan dan meningkatkan risiko konflik. Tekanan tambahan datang daripada kos sara hidup yang tinggi dan kekurangan sokongan daripada keluarga besar. Oleh itu, suami atau isteri perlu memainkan peranan dalam membantu pasangan masing-masing dalam melayari bahtera perkahwinan. Setiap pasangan perlu mengutamakan keluarga masing-masing dalam meningkatkan ekonomi keluarga. Tidak membebani tugas mencari rezeki kepada pihak suami sahaaj atau pihak isteri sahaja bahkan kedua-duanya hendaklah saling memahami dan menjalankan tanggungjawab dan peranan masing-masing.

Kekurangan pendidikan agama turut memberi kesan besar terhadap kestabilan perkahwinan. Kebanyakkan pasangan gagal memahami tanggungjawab dan hak mereka berdasarkan panduan agama.

Pengaruh Faktor Sosial dan Agama Terhadap Peningkatan Kadar Perceraian: Peranan Institusi Sosial dalam Menyokong Perkahwinan

Abdul Karim Ibrhim, Mohd Sabree Nasri & Khairul Ikhwan @ Mohd Fithri Khoza

Islam menganjurkan penganutnya untuk menerapkan nilai-nilai yang baik seperti sabar, saling memahami, dan saling menghormati dalam membina keluarga yang harmoni. Namun, apabila pendidikan agama diabaikan, pasangan mudah terjebak dalam amalan negatif seperti pergaulan bebas, penyalahgunaan dadah, atau salah faham dalam isu poligami. Kekurangan ini menyebabkan mereka tidak bersedia menangani cabaran dalam kehidupan perkahwinan, yang akhirnya membawa kepada perceraian. Oleh itu, setiap pasangan perlu meningkatkan ilmu dan amalan agama dalam diri masing-masing dengan menghadiri majlis ilmu yang diadakan masjid, surau atau pengajian ilmu diadakan. Selain itu, setiap pasangan perlu sentiasa menjaga amalan agama seperti solat, zikir, tilawah al-Quran dan sebagainya.

Selain itu, kelemahan institusi sosial dan agama dalam menyediakan sokongan yang proaktif dan relevan turut menyumbang kepada peningkatan kadar perceraian. Pasangan yang menghadapi konflik sering tidak mendapat bimbingan praktikal atau kaunseling yang sesuai dengan cabaran semasa. Kehidupan di kawasan bandar yang lebih individualistik menyebabkan pasangan merasa terasing tanpa jaringan sokongan yang mencukupi. Dalam banyak kes, institusi sosial dan agama tidak mempunyai sumber atau pendekatan yang komprehensif untuk membantu pasangan menangani masalah mereka. Oleh itu, kesedaran sosial yang bersifat proaktif perlu diberikan kepada pasangan sebelum dan selepas perkahwinan. Kursus pra-perkahwinan harus diperluaskan dengan modul yang merangkumi tanggungjawab sosial dan agama seperti pengurusan kewangan, etika rumah tangga, panduan ibadat, doa mathurat dan sebagainya. Selain itu, kaunseling berdasarkan agama juga penting untuk membantu pasangan memahami nilai-nilai Islam yang boleh menjadi panduan dalam kehidupan perkahwinan mereka. Institusi sosial dan agama perlu memainkan peranan yang lebih aktif dengan menyediakan program sokongan keluarga, kaunseling pasca-perkahwinan, dan bimbingan berterusan yang relevan dengan cabaran semasa.

Selain itu, komuniti setempat harus menggalakkan pembentukan kumpulan sokongan keluarga untuk membantu pasangan yang menghadapi tekanan perkahwinan. Penglibatan komuniti boleh membantu mewujudkan suasana sokongan yang lebih kukuh, sekali gus mengurangkan perasaan terasing dalam kalangan pasangan. Pada masa yang sama, institusi agama perlu memperluaskan peranan mereka dengan menawarkan panduan praktikal yang lebih inklusif dan sensitif terhadap cabaran moden.

Kesimpulannya, peningkatan kadar perceraian mencerminkan cabaran besar dalam institusi perkahwinan yang memerlukan pendekatan menyeluruh untuk ditangani. Dengan pendidikan agama yang lebih baik, kaunseling yang relevan, dan jaringan sokongan sosial yang kukuh, pasangan berpeluang membina hubungan yang lebih stabil dan bahagia. Kerjasama antara institusi sosial, agama, dan komuniti sangat penting untuk memastikan perkahwinan terus menjadi asas yang kukuh bagi kesejahteraan masyarakat.

KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa peningkatan kadar perceraian dalam kalangan masyarakat Islam dipengaruhi oleh gabungan faktor sosial dan agama. Media sosial dikenal pasti sebagai pendorong utama kepada nilai individualistik dan ekspektasi yang tidak realistic. Manakala perubahan nilai sosial seperti materialisme dan konflik peranan gender turut menyumbang kepada ketidakstabilan perkahwinan. Kekurangan pendidikan agama yang mendalam menambahkan lagi risiko ini apabila pasangan tidak memahami tanggungjawab dan hak mereka dalam perkahwinan. Selain itu, kelemahan

institusi sosial dan agama dalam menyediakan sokongan yang relevan memperburukkan lagi masalah, menjadikan pasangan berasa terasing dalam menghadapi konflik rumah tangga.

Tindakan yang perlu diambil dalam menangani isu ini adalah memperkasakan pendidikan agama sebelum dan selepas perkahwinan. Program kaunseling berasaskan agama perlu ditambah baik dengan modul-modul khusus yang membantu pasangan mengatasi cabaran moden. Institusi sosial dan agama juga harus mengambil langkah proaktif dengan membangunkan program bimbingan keluarga, memperkuatkannya kursus pra-perkahwinan, dan menyediakan kaunseling pasca-perkahwinan yang lebih mudah diakses.

Di samping itu, penglibatan komuniti dalam membina sistem sokongan sosial yang lebih kukuh adalah penting. Aktiviti komuniti seperti kumpulan sokongan keluarga boleh membantu pasangan yang menghadapi tekanan perkahwinan, manakala peranan keluarga besar perlu diaktifkan semula sebagai sumber sokongan moral dan praktikal. Kerjasama yang erat antara institusi sosial, agama, dan komuniti dapat memastikan perkahwinan kekal sebagai asas yang kukuh untuk kesejahteraan masyarakat.

Kesimpulan, penyelesaian terhadap masalah perceraian memerlukan pendekatan yang holistik dan bersepada. Pendidikan agama yang lebih baik, sokongan sosial yang relevan, dan program kaunseling yang bersifat semasa dapat membantu pasangan membina hubungan yang lebih stabil. Tindakan usaha yang konsisten akan dapat mengurangkan kadar penceraian. Selain itu, dapat mempertahankan institusi kekeluargaan yang merupakan elemen penting dalam membentuk masyarakat yang harmoni dan madani.

RUJUKAN

- Abdul Rahman, S., & Hassan, R. (2015). Faktor-Faktor Penyumbang Kepada Perceraian Dalam Kalangan Pasangan Islam Di Malaysia *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan.*, 10(1), 45-55.
- Ajmain, M. T., Mohamad Yaakub, M. A., Rahman, S. N. H. A., & Mohamad, A. M. (2020). Tingkah laku dan peranan institusi keluarga dalam membantu ekonomi dan masyarakat lestari. *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(3-2), 89-101
- Ghazali, I. & Abd Rahman, M. (2018). *Cabaran Perkahwinan Dalam Masyarakat Moden dan Pengaruh Media Sosial*. Jurnal Psikologi Islam, 6(3), 82-94.
- Haszuraidah Ishak & Kamarul Azmi Jasmi. (2022). Perceraian Pasangan Islam di Malaysia. *Conference Paper*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Marriage and divorce statistics, Malaysia, 2022*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia
- Maisaroh, S., & Lydon, N. (2018). Jurang sosial mempengaruhi penceraian dalam kalangan etnik Melayu: Kajian kes di Kota Bharu, Kelantan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1), 1-8
- Mariam Abd. Majid, Mohammad Syafirul Zarif Saleh Hudin. (2017) Trend dan Faktor Perceraian Rumah Tangga di Negeri Selangor Dari Tahun 2011 hingga 2015. *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (Irsyad2017)* Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
- Mariam Md Zin. (2024) Pengaruh Pempengaruh Dalam Masalah Rumah Tangga.<http://mais.gov.my/e-edisi/pengaruh-pempengaruh-dalam-masalah-rumah-tangga/>. Dicapai pada 2 November 2024
- Mohamadi, R. E., Baharuddin, E., Razali, N., Jaafar, N. A., & Mohamad Sahiv, N. F. (2021). Punca perceraian pasangan dewasa Islam: Perspektif badan pelaksana. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 26(2), 368-369

Pengaruh Faktor Sosial dan Agama Terhadap Peningkatan Kadar Perceraian: Peranan Institusi Sosial dalam Menyokong Perkahwinan

Abdul Karim Ibrhim, Mohd Sabree Nasri & Khairul Ikhwan @ Mohd Fithri Khoza

Mohd Shukry, A. N. A., & Zakaria, S. M. (2019). Konflik, penyesuaian hidup dan kualiti perkahwinan pada awal usia perkahwinan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(4), 1-16

Muhammad Husni Abdullah Pakarti & Iffah Fathiah. (2023). Dampak Teknologi dan Media Sosial Terhadap Tingkat Perceraian di Era Digital (Studi Kasus pada Pasangan Milenial). *As-Sakinah, Jurnal Hukum Keluarga Islam*. (vol.1 No.2)

Najahudin Lateh (2011). *Fiqh Munakahat OUM*. Open University Malaysia.

Norhasima Abdullah & Syazwana Aziz. (2016). Perceraian dalam Kalangan Pasangan Dewasa di Hulu Langat: Eksplorasi Faktor. *Jurnal Sains Sosial Malaysia*.

Nurfarizan Jaafar. (2022) Pengaruh Media Sosial Punca Perkahwinan Rapuh. <http://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2011/12/1033699/pengaruh-media-sosial-punca-perkahwinan-rapuh>. Dicapai pada 2 November 2024

Said, S., & Ibrahim, R. (2019). *Peranan Institusi Sosial dan Agama Dalam Menyokong Kestabilan Perkahwinan: Satu Tinjauan Literatur*. Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Islam, 8(1), 39-48.

Shafie, R. & Mohd Zin, N. (2020). *Kekurangan Pendidikan Agama dalam Perkahwinan dan Hubungannya Dengan Kadar Perceraian*. Malaysian Journal of Islamic Studies, 15(2), 120-135.

Sidek, S. B. (2016). *Permasalahan Selepas Perceraian: Satu Kajian di Alor Gajah, Melaka*. Open University Malaysia.

Soffizzan Abdul Rahman. (2016). *Hubungkait Antara Personality, Peranan Gender, Komunikasi, Tekanan Kewangan Dan Kualiti Perkahwinan Dalam Kalangan Individu Muslim Baru Berkahwin Di Lembah Klang, Malaysia*. Ma Thesis Universiti Putra Malaysia

Zainab.I, Wan Ibrahim, W.A.Asyraf, H.A.R. (2014) Marital Breakdown In Muslim Community In Malaysia. *Journal Of Middle- East Journal Of Scientific Research*, 20 (11), 1440-1444.